

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN AMANAH SAHAM NASIONAL 3 IMBANG

TEMPAT: HOTEL PALACE OF THE GOLDEN HORSES, KUALA LUMPUR

TARIKH: 16 OCT 2001

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad kerana menjemput saya untuk melancarkan satu lagi saham amanah terbaru PNB pada hari ini, iaitu Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3). ASN 3 merupakan salah satu daripada saham-saham amanah PNB yang dibuka kepada semua warganegara Malaysia selepas Amanah Saham Wawasan 2020 dan Amanah Saham Malaysia yang ditawarkan pada harga tetap RM1.00 setiap unit. ASN 3 ini juga adalah saham amanah harga berubah-ubah yang pertama diuruskan oleh PNB dibuka kepada masyarakat bukan Bumiputera.

2. Kerajaan menyokong penuh usaha PNB memperkenalkan saham - saham amanah yang dibuka kepada semua rakyat Malaysia kerana selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran ekonomi negara.

3. Saham amanah PNB ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan daripada seluruh rakyat Malaysia di mana lebih tujuh juta orang telah melabur dalam saham-saham amanah PNB dengan pelaburan bernilai lebih daripada RM36 bilion. Ini adalah satu perkembangan yang amat membanggakan yang mana kejayaan PNB menarik rakyat melabur telah memberi sumbangan yang terbesar kepada pertumbuhan industri saham amanah negara. Kejayaan PNB ini bukannya dicapai dengan cara yang mudah. Ianya diperolehi menerusi usaha gigih yang berterusan dan komitmen tinggi oleh PNB dan Kerajaan dalam memastikan setiap keputusan pelaburan PNB mampu memberikan pulangan yang terbaik kepada para pelabur, selain mencapai matlamat penubuhan PNB dalam menyusun semula status ekonomi rakyat iaitu menghapuskan idenditi kaum dengan fungsi ekonomi dan mengatasi kemiskinan di kalangan semua kaum.

4. Keadaan yang ada pada hari ini dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah jauh lebih baik, adil dan saksama berbanding dengan keadaan lebih 30 tahun lalu. Sesungguhnya apa yang dinikmati oleh kita hari ini adalah hasil daripada usaha - usaha berterusan Kerajaan untuk mewujudkan kesaksamaan dan keseimbangan taraf hidup di kalangan rakyat di negara ini.

5. Pembangunan industri saham amanah menunjukkan

keberkesannya dalam mengagihkan kekayaan negara secara sama rata malah turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Ternyata menerusi mekanisme saham amanah kita juga berjaya mendidik rakyat Malaysia, khususnya golongan Bumiputera tentang pelaburan, terutamanya pelaburan dalam saham amanah. Hari ini, kita dapati terma-terma pelaburan seperti dividen, bonus dan risiko bukan lagi suatu perkataan yang asing bagi masyarakat kita, terutamanya masyarakat luar bandar. Ini satu perkembangan yang baik. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pendidikan tentang pelaburan dan saham amanah perlu digiatkan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman rakyat tentang elemen - elemen pelaburan, khususnya perkaitan di antara pulangan dan risiko dalam pelaburan.

6. Rakyat Malaysia perlu memahami lebih mendalam lagi tentang faktor-faktor yang boleh memberi kesan ke atas pulangan daripada pelaburan yang dilakukan. Selain daripada kepakaran, profesionalisme dan kredibiliti pengurus dana, persekitaran dan iklim ekonomi tempatan dan global juga turut mempengaruhi prestasi portfolio pelaburan yang diuruskan oleh pengurus dana.

7. Para pelabur harus mempunyai maklumat dan matlamat pelaburan yang jelas sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Ini bagi memastikan pulangan yang diperolehi setimpal dengan tahap risiko pelaburan yang disertainya. Pelabur juga perlu faham bahawa pelaburan dalam saham amanah adalah secara umumnya bersifat jangka panjang. Dengan itu, para pelabur tidak seharusnya mengharapkan pulangan yang segera dan tinggi. Selain itu, para pelabur perlu memahami dan mengikuti perkembangan pasaran saham tempatan dan global. Pasaran saham global mempengaruhi perkembangan pasaran saham tempatan.

8. Oleh itu, para pelabur perlu bijak menilai, membanding dan memilih jenis-jenis pelaburan yang mampu memberi pulangan yang baik. Walau bagaimanapun, pelabur perlulah bersikap realistik dalam membandingkan pulangan-pulangan yang diperolehi daripada pelaburan-pelaburan yang dilakukan dengan mengambilkira persekitaran ekonomi dan pasaran saham semasa. Sekiranya pelaburan dalam saham-saham amanah mampu memberikan pulangan yang lebih baik berbanding pelaburan-pelaburan jenis lain maka pulangan yang diperolehi itu sudah cukup baik dan kita patut bersyukur dengan pencapaian tersebut.

9. Pertumbuhan industri saham amanah di negara ini masih mempunyai ruang untuk terus berkembang meskipun pada masa ini ia tidak setanding dengan industri saham amanah di negara-negara maju. Menyedari tentang potensi perkembangan industri saham amanah ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memantapkan lagi industri saham amanah di negara ini. Penubuhan Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1993 menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk mengukuhkan struktur

penguatkuasaan bagi menggalakkan dan menggiatkan lagi pembangunan pasaran modal tempatan. Selain itu, ia turut berperanan menyelaras dan memperkemas lagi struktur peraturan dan undang-undang berkaitan industri saham amanah.

10. Di samping itu, penubuhan Malaysian Institute of Corporate Governance menyerlahkan usaha Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan amalan tadbir korporat yang baik dalam pasaran modal dan industri saham amanah di negara ini. Badan-badan kawal selia seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur diberi mandat untuk memastikan akta, peraturan dan etika tadbir korporat dipatuhi oleh syarikat-syarikat bagi memastikan pengurusan yang cekap dan telus. Usaha-usaha ini diharap dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan dan asing. Ini penting bagi memastikan pembangunan pasaran modal dan seterusnya membangunkan ekonomi negara.

11. Kebelakangan ini kita sering mendengar kejadian-kejadian di mana wang tabungan orang ramai disalahgunakan dan berlakunya pecah amanah. Kerajaan memandang serius perkara ini kerana ia akan menjejaskan imej dan keyakinan rakyat serta pelabur asing terhadap institusi pelaburan dan perbankan negara. Oleh itu, langkah - langkah keselamatan dan prosedur urusan harian yang jelas dan teratur perlu diperkemas dan dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap profesionalisme dan kredibiliti tidak dipersoalkan. Di samping itu, keyakinan para pelabur dapat dikekalkan dan dipertingkatkan.

12. Selain daripada kepakaran dan kecanggihan teknologi masa kini, pengurus dana yang baik perlu mengamalkan sifat yang mulia seperti amanah, telus dan jujur serta bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka. Permodalan Nasional Berhad adalah antara institusi pelaburan ciptaan Kerajaan yang telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan mencapai matlamat penubuhannya. Selama lebih 22 tahun penubuhannya, PNB terus mencipta kejayaan demi kejayaan. Saya berharap pengurusan PNB dan kakitangannya tidak mudah leka dan akan terus melipatgandakan usaha untuk menangani cabaran masa depan, tambahan pula dengan globalisasi. Di samping itu, kita juga perlu sentiasa bersedia dan bijak mengenalpasti peluang-peluang yang dibawa bersama arus globalisasi untuk memastikan kita mampu bersaing di arena antarabangsa.

13. Sifat amanah, jujur, bertanggungjawab dan telus dalam segala hal perlu dijadikan panduan dan amalan. Usaha Kerajaan melalui perancangan yang teliti, pemikiran strategik dan berwawasan melahirkan PNB ternyata membuahkan hasil yang membanggakan dan begitu bermakna. Hasilnya telah pun dinikmati oleh lebih daripada tujuh juta pelabur. Malah menerusi PNB juga, kita berjaya menguasai syarikat-syarikat gergasi yang dahulunya merupakan milik asing. Ini meningkatkan maruah kita di mata masyarakat antarabangsa dan menunjukkan kepada dunia

kemampuan kita sebagai pengurus dana berwibawa dalam dunia pelaburan.

14. Kerajaan telah memberi restu kepada usaha PNB menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang disambut setiap tahun pada 20 April. MSAM adalah program pendidikan bersepadu dan berterusan PNB dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan terkini mengenai pelaburan, khususnya pelaburan dalam saham amanah kepada orang ramai. Saya yakin melalui penglibatan dan komitmen tinggi PNB, syarikat - syarikat pengurus dana saham amanah dan badan-badan kawal selia serta syarikat-syarikat pelaburan PNB, MSAM akan merealisasikan matlamat untuk membina masyarakat yang celik pelaburan dan memahami dengan jelas akan kepentingan pelaburan dalam saham amanah sebagai penyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

15. Pelancaran ASN 3 ini, adalah tepat pada masanya. Meskipun pada ketika ini, asas dan sentimen pasaran saham dibayangi oleh isu-isu global yang melanda negara-negara maju, terutamanya Amerika Syarikat, tetapi dengan wujudnya kepelbagaian dan kekuatan ekonomi di samping langkah - langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani keadaan ekonomi semasa, ekonomi Malaysia pada dasarnya berpotensi dan mampu untuk terus berdaya saing. Sesungguhnya keadaan ini memberi peluang kepada pengurus -pengurus dana seperti PNB menggembeleng dana daripada para pelabur individu untuk tujuan pelaburan dalam sektor-sektor ekonomi yang berdaya maju.

16. Sama - samalah kita berdoa semoga iklim ekonomi dan politik dunia akan kembali harmoni dan pasaran akan kembali pulih. Dengan itu, dunia pelaburan akan berkembang atas asas 'fundamentals' dan prinsip ekonomi yang kukuh. Rata-rata penganalisis menjangkakan ekonomi dan pasaran saham dunia akan mulai pulih menjelang tahun 2002. Oleh itu, inilah masa yang paling sesuai untuk rakyat Malaysia merebut peluang melabur dalam saham amanah terbaru PNB ini.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran ASN 3 Imbang.